**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN ELAUN PRA PERKHIDMATAN KURSUS KAWALAN TRAFIK UDARA** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 1/4 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Bayaran Elaun Pra Perkhidmatan Kursus Kawalan Trafik Udara | Kursus Pra Perkhidmatan merupakan program yang menyediakan latihan dalam bidang *Aerodrome Control* sehingga mendapat *Aerodrome Control Rating* dan bidang *Approach Control* sehingga mendapat *Approach Control Rating* di bawah Kementerian Pengangkutan.<br><br>**Takrifan**<br><br>**Pegawai**<br><br>Pegawai sedang berkhidmat secara tetap yang berhasrat untuk dilantik ke satu skim perkhidmatan lain yang mensyaratkan kelayakan ikhtisas melalui kursus pra perkhidmatan.<br><br>**Kursus Pra Perkhidmatan**<br><br>Kursus bagi memperoleh kelayakan ikhtisas yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan tertentu yang dianjurkan oleh Kementerian/ Jabatan atau institusi yang mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian/ Jabatan bagi membolehkan seseorang pegawai dipertimbangkan pelantikan secara tetap ke skim perkhidmatan berkenaan selepas menamatkan kursus.<br><br>**Elaun Rating**<br><br>Sejumlah wang yang dibayar oleh Kerajaan kepada pelatih-pelatih Pra perkhidmatan di Kolej Penerbangan Awam, Malaysia dalam bidang Aerodrome Control dengan mendapat Aerodrome Control Rating dan Approach Control dengan mendapat Approach Control Rating di bawah Kementerian Pengangkutan. | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2009 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Bayaran Elaun Pra Perkhidmatan Kursus Kawalan Trafik Udara | 1.0 Pastikan Tuntutan Bayaran Elaun Pra Perkhidmatan Kursus Kawalan Trafik Udara diterima dan dokumen sokongan disertakan.<br><br>a. Borang tuntutan bayaran elaun pra perkhidmatan kursus kawalan trafik udara<br><br>b. Surat tawaran kursus, perjanjian yang menyatakan tempoh pelatih mengikuti sesuatu kursus.<br><br>c. Lampiran pengiraan yang lengkap berdasarkan bidang kursus yang diikuti.<br><br>d. Salinan Penyata Bank | |
| | 2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-<br>a) Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58 (a) diterima.<br><br>b) Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi.<br><br>Sekiranya syarat AP58 (a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan. | Arahan Perbendaharaan AP 58 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN ELAUN PRA PERKHIDMATAN KURSUS KAWALAN TRAFIK UDARA** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 3/4 |

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th>MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK</th><th>RUJUKAN</th></tr>
<tr><td>Bayaran Elaun Pra Perkhidmatan Kursus Kawalan Trafik Udara</td><td>3.0 Kadar Elaun Rating Pra Perkhidmatan Pegawai Trafik Udara dan Penolong Pegawai Trafik Udara:
<table>
<tr><th>Tempat (Posisi)</th><th>Kadar Baru<br>(RM/ bulan)</th></tr>
<tr><td>Approach Control (Radar)</td><td>750</td></tr>
<tr><td>Area Control (Radar)<br>Surface Movement (Radar)</td><td>600</td></tr>
<tr><td>Area Control</td><td>450</td></tr>
<tr><td>Approach (Procedural)</td><td>350</td></tr>
<tr><td>SMC, Aerodrome Control,<br>Aerodrome Co-Ordinator,<br>Clearance Delivery, Tower Area/ Approach Flight Data</td><td>200</td></tr>
</table>
</td><td>JPA(S)215/8/2-1Klt.4(5) bertarikh 21 Mac 2007</td></tr>
</table>

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Bayaran Elaun Pra Perkhidmatan Kursus Kawalan Trafik Udara | 4.0 Kod objek yang digunakan:<br><br>**41101 –** Biasiswa dan Dermasiswa Pelajaran dalam Negeri<br><br>**41199** – Bantuan-bantuan Lain Pelajaran dalam Negeri | |